

**Sibu Peroleh Satu Lagi Klinik 1Malaysia
Bernama
31 Julai, 2012**

SIBU, 31 Julai (Bernama) -- Sebuah lagi Klinik 1Malaysia akan dibina di kawasan perumahan Taman Soon Hup di Jalan Permai di sini yang merupakan Klinik 1Malaysia keempat di bandar ini.

Menteri Kerajaan Tempatan dan Pembangunan Komuniti Negeri Datuk Sri Wong Soon Koh berkata klinik itu terletak di kawasan lapang bersebelahan dengan SJK(C) Thian Chin.

Bercakap kepada media selepas memeriksa tapak tersebut, beliau berkata tapak dan pembinaan klinik itu yang akan menelan belanja kira kira RM300,000 adalah sumbangan syarikat Soon Hup Sdn Bhd, iaitu sebuah syarikat pembangunan harta tanah yang terkemuka di negeri ini.

"Pembinaan akan bermula pada pertengahan bulan hadapan dan dijangka siap sebelum hujung tahun ini. Bila siap sepenuhnya, ia akan memberi manfaat kepada penduduk 3,000 unit rumah di taman perumahan tersebut dari lebih daripada 300 buah rumah di Kampung Jeriah dan juga daripada beberapa rumah panjang berdekatan," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=684408>

